



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2015

**KEBENARAN PEGAWAI-PEGAWAI LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
YANG BERKHIDMAT DI PERTUBUHAN PELADANG UNTUK MENERIMA
ELAUN, BONUS DAN INSENTIF (BUKAN BERUNSUR TETAP) DARI
PERTUBUHAN PELADANG**

1. TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk membenarkan pegawai-pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang berkhidmat di Pertubuhan Peladang (PP) bagi menerima elaun, bonus dan insentif (bukan berunsur tetap) dari PP dan seterusnya mengeluarkan pekeliling baru bagi menggantikan Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 1983.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling Ketua Pengarah Bil. 1 Tahun 1983 bertarikh 25 Jun 1983 bertajuk %Pembayaran Elaun-elaun Kepada Pegawai LPP oleh Pertubuhan-Pertubuhan Peladang+ di perkara 3 menyatakan bahawa pegawai-pegawai LPP yang bertugas di PP tidak dibenarkan menerima apa-apa elaun atau saraan wang dari PP di mana mereka berkhidmat. Larangan tersebut termasuk elaun keraian, gaji tambahan dan elaun lebih masa. Melalui pekeling tersebut, anggota LPP hanya dibenarkan menerima bonus serta elaun dan tuntutan berkaitan dengan perjalanan bagi tugas rasmi PP sahaja.

LPP(A)5/10 Jld.18 (12)

2.2 Perkembangan PP yang semakin kompleks telah meningkatkan bebanan kerja kepada pegawai LPP yang bertugas di PP. Selain itu mereka juga turut terdedah dengan aktiviti perniagaan sebagaimana yang diamalkan oleh syarikat swasta. Sehubungan itu pemberian elaun, bonus dan insentif (bukan berunsur tetap) adalah perlu bagi meningkatkan produktiviti kerja di PP.

3. ASAS PERTIMBANGAN

3.1 Pembayaran elaun, bonus dan insentif (bukan berunsur tetap) kepada setiap anggota LPP yang ditempatkan bertugas di PP menjadi dorongan kepada anggota-anggota tersebut untuk menyumbang kepada kemajuan PP. Ia juga akan menggalakkan anggota-anggota LPP yang ditempatkan di PP berkhidmat dengan lebih gigih apabila khidmat bakti mereka dihargai dan diberi ganjaran.

3.2 Pemberian elaun, bonus dan insentif (bukan berunsur tetap) kepada anggota-anggota LPP yang ditempatkan berkhidmat di PP adalah sesuai pada masanya kerana bilangan PP yang menunjukkan kemajuan kini meningkat. Pemberian elaun, bonus dan insentif juga akan menggalakkan anggota-anggota tersebut meningkatkan iltizam, inisiatif dan semangat untuk berkhidmat dengan bersungguh-sungguh bagi kemajuan PP dan peladang-peladang.

4. PELAKSANAAN

4.1 Elaun, Insentif dan Bonus Yang Dibenarkan;

4.1.1 Elaun Yang Dibenarkan

- a) **Elaun Tuntutan Perubatan:** Berdasarkan Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2015 . Peraturan Bantuan Rawatan Perubatan Biasa dan Perubatan Khas Anggota Lembaga Pertubuhan Peladang.

- b) **Elaun Tuntutan Perjalanan:** Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan WP 1.4/2013 - Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi.
- c) **Elaun Telefon dan Telekomunikasi:** Berdasarkan Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 11 Tahun 2009 - Peraturan Mengenai Pemberian Alat Komunikasi Mudah Alih Lembaga Pertubuhan Peladang.
- d) **Elaun Keraian:** Bagi tujuan makan dan minum (perbelanjaan perlu dibuktikan dengan dokumen kewangan seperti resit, bil tuntutan dan sebagainya).
- e) **Elaun Lebih Masa:** Anggota kumpulan sokongan LPP di PP boleh dibayar elaun lebih masa berdasarkan **Perintah Am Bab G.**
- f) **Insurans Berkelompok (Untuk Kesihatan):** Boleh dilaksanakan kepada anggota LPP yang berkhidmat di PP sahaja.

(Nota: Perkara 4.1.1 (a) hingga (f) adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa).

4.1.2 Bonus Yang Dibenarkan

Bonus mengikut dasar yang ditetapkan oleh Arahan Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Pembahagian Keuntungan Pertubuhan Peladang.

4.1.3 Insentif Yang Dibenarkan

Setiap anggota LPP yang berkhidmat di PP dibenarkan untuk menerima insentif tertakluk kepada kaedah yang diluluskan Pendaftar dan Insentif bagi projek ekonomi PP yang dibenarkan adalah mengikut keperluan dan bukan berunsur tetap yang diterima setiap bulan.

4.2 Syarat Untuk Dipertimbangkan Pembayaran Elaun, Bonus dan Insentif;

4.1.1 Setiap elaun, bonus dan insentif yang akan dibayar kepada pegawai dan anggota LPP yang ditempatkan di PP hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah PP dan dimasukkan dalam anggaran belanjawan tahunan PP serta diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan PP.

4.1.2 Perlaksanaan berhubung perkara ini adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Pertubuhan Peladang.

4.1.3 Elaun, Bonus dan Insentif yang dibenarkan adalah mengikut keperluan dan bukan berunsur tetap yang diterima setiap bulan.

4.1.4 Di dalam melaksanakan perkara ini, Ketua Pengarah atau Pendaftar adalah berhak untuk menetapkan sebarang kaedah, syarat atau peraturan yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.

5. PEMAKAIAN

Peraturan ini dipakai hanya bagi pegawai dan anggota LPP yang ditempatkan bertugas di Pertubuhan Peladang yang mana gajinya dibayar oleh LPP sahaja. Ini tidak termasuk pegawai dan anggota LPP yang dipinjamkan ke perkhidmatan PP yang mana gaji dan saraannya dibayar oleh PP.

LPP(A)5/10 Jld.18 (12)

Sekiranya PP mengadakan kaedah yang berbeza daripada pekeliling ini, pelaksanaannya hendaklah mendapat kelulusan Pendaftar terlebih dahulu.

6. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Ketua Pengarah ini maka Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 1983 adalah dibatalkan.

7. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai **01 Februari 2015**.

Sekian, terima kasih.

(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)

Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang

Februari 2015

Edaran Kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan

- Timbalan Ketua Pengarah Operasi
- Pengarah-Pengarah Bahagian
- Pengarah-Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang

